

13 JAN 2003

China-Malaysia/I

CHINA YAKIN MALAYSIA JADI NEGARA MAJU

LANGKAWI, 13 Jan (Bernama) -- China yakin Malaysia akan menjadi sebuah negara maju seperti yang diharapkan oleh kepimpinannya, kata Menteri Sains dan Teknologi China, Xu Guanhua.

"Malaysia pasti akan mencapai Wawasan 2020 untuk menjadi negara maju," katanya dalam ucapan balas pada jamuan negeri di sini, malam ini.

Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain mengadakan jamuan itu bagi meraikan Naib Perdana Menteri China Li Lanqing yang melawat pulau peranginan ini.

Li, yang tiba di Malaysia pada Sabtu lepas, mengetuai 62 anggota rombongan merangkumi pegawai kerajaan, wakil media dan kakitangan keselamatan untuk lawatan lima hari ke Malaysia. Beliau tiba di Langkawi hari ini untuk lawatan rasmi dua hari.

Esok, Li dijadualkan melawat Dataran Helang di Kuah dan perkhidmatan kereta kabel bernilai RM46 juta di Teluk Berau.

Xu berkata Malaysia mempunyai semua yang diperlukannya dan keupayaan untuk membangun terutamanya dengan kebijaksanaan dan inspirasi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Xu juga berkata perubahan yang berlaku di Langkawi, yang telah menjadikan pulau ini sebagai destinasi percutian yang terkenal di dunia, adalah hasil daripada inspirasi itu.

Terdahulu, Syed Razak dalam ucapannya mempelawa para pelabur China menyertai pembangunan di Kedah.

"Terdapat banyak peluang dalam Pelan Tindakan Kedah bagi tiga sektor strategik iaitu pengeluaran, pertanian dan pelancongan yang boleh membentuk perkongsian pintar antara pelabur asing dan tempatan," katanya.

-- BERNAMA

NH NAK